



Penduduk membuat bantahan mendesak PBT menutup tapak sampah haram bersebelahan Intan Apartmen.

## 'Kami tak tahan bau busuk, lalat'

Penduduk desak tutup tapak pelupusan sampah haram

NUR FARHANA ABDUL MANAN

**PUCHONG** - Penduduk Intan Apartmen, Taman Puchong Intan di sini mengadu tidak tahan lagi menghidu bau busuk dan pencemaran bunyi hasil aktiviti di tapak pelupusan sampah haram terletak kurang 100 meter dari jarak rumah mereka.

Bukan itu sahaja, lebih teruk lagi pangsapuri mereka termasuk beberapa perumahan sekitar Puchong Indah, Puchong Perdana dan Puchong Permai didakwa 'diserang' ribuan lalat dari tapak berkenaan.

Penduduk Nazli Jaafar, 49, berkata, lebih 100 lori termasuk yang bermuatan lima tan keluar masuk ke tapak tersebut membawa muatan sampah setiap hari.

Katanya, penduduk terpaksa berebut menggunakan satu-satunya laluan keluar masuk ke pangsapuri yang sempit dan keadaan itu membahayakan penghuni.

"Selain masalah bau busuk dan sebagainya, apa yang merisaukan kami adalah isu keselamatan bila laluan di sini 'sibuk' dengan kehadiran lori yang hendak membuang sampah di tapak tersebut.

"Penduduk juga rasa tak selesa kerana pihak tak bertanggungjawab itu beroperasi 24 jam sehari, menggunakan jentera berat yang mengeluarkan bunyi bising," katanya yang mengadakan bantahan bersama kira-kira 100 penduduk di tapak itu.



Kedudukan tapak yang dipenuhi sampah dibuang pihak tidak bertanggungjawab.

Nazli berkata, anjing liar dari tapak sampah sudah mula memenuhi kawasan apartmen malah lalat juga sudah 'menyerang' penduduk di tingkat 11, pangsapuri.

"Saya minta pihak berwajib tutup serta-merta tempat ini kerana bimbang akan wujud masalah lain pula nanti," katanya.

### Terpaksa tutup tingkap sepanjang masa

Suri rumah, Wan Noor Saidatul Ahmar Abdullah, 48, berkata, terpaksa menutup tingkap rumah setiap masa kerana tidak tahan menghidu bau busuk.

Rumahnya yang terletak berdepan dengan tapak sampah haram menyebabkan dia terpaksa



WAN NOOR SAIDATUL



ABDUL HADI

bertindak sedemikian bagi mengelakkan langau dan sebagainya masuk ke dalam rumah.

"Memang busuk sangat tak tahu sampah apa yang dibuang ke situ, itu belum lagi bunyi bising jam 2 dan 3 pagi yang menyebabkan kami susah nak tidur lena.



Jentera besar digunakan menhancurkan pencemaran bunyi 24 jam sehari.

**INFO** • Aduan sudah dibuat namun masalah tidak selesai

"Dulu pihak berwajib ada juga datang, mereka datang pasang tali kuning tapi malam tu juga pihak tak bertanggungjawab dah buka balik tapak dan benarkan aktiviti buang sampah diteruskan kembali," katanya yang mahu tapak itu ditutup sepenuhnya.

Ahli Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 13, Abdul Hadi Sabran, 52, berkata masalah berlanjutan sejak lebih sebulan lalu.

Menurutnya, aduan sudah dibuat kepada pihak berkenaan namun masalah tidak selesai dan keadaan di tapak menjadi makin teruk.

"Yang saya kesal, pemandu lori bawa sampah tak pentingkan keselamatan, anak-anak di sini lintas jalan, mereka pula pandu lori dengan laju.

"Mereka yang melakukan operasi di tapak itu pula kata tak takut dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), kami harap tindakan sewajarnya diambil segera," katanya.

### Cadang bina parit, halang lori keluar masuk

Sementara itu, Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo sudah meminta Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengenal pasti pemilik tanah berkenaan.

Katanya, MPSJ sudah meletakkan pita larangan di laluan masuk ke tapak tanah yang mempunyai dua pemilik itu.

"Saya diberitahu mereka tak bertanggungjawab ni buka balik dan teruskan operasi sebelum ini dan apabila dapat tahu penduduk nak buat bantahan pagi ini (kelmarin) mereka angkut semua jentera keluar.

"Saya cadang parit dibina supaya kenderaan tidak boleh masuk ke tapak. Kita akan kenal pasti siapa yang lakukan aktiviti ini," katanya yang juga meminta MPSJ berikan laporan mengapa sebelum ini ada aduan tetapi tiada tindakan.